

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN KEJOHANAN PIALA PUSINGAN PERDANA
Lokasi : KUCHING, SARAWAK,
Tarikh : 17-09-1993

Marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berkumpul dalam dewan yang indah permai pagi ini. Sesungguhnya seramai lebih kurang 200 peserta, penyokong dan pegawai dari Semenanjung telah selamat tiba kelmarin untuk bersama-sama dengan rakan-rakan dari Sarawak untuk Kejohanan Badminton Piala Pusingan Perdana '93.

2. Bagi pihak semua pasukan dan saya sendiri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri hadir dalam Majlis Perasmian Kejohanan ini dan seterusnya akan melancarkan logo kejohanan sebentar lagi. Ini adalah suatu kehormatan bagi kami, yang mana sebahagian besar daripada kami adalah datang ke Sarawak bagi pertama kali.

3. Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak serta Yang Berhormat Menteri-Menteri Negeri dan dif-dif kehormat yang turut sama melapangkan masa sedikit untuk upacara pagi ini.

Kehadiran dif-dif kenamaan tentu sekali akan memberangsang kan kami untuk menjayakan perjumpaan pemain-pemain badminton wanita di Kuching.

4. Semenjak setibanya kami dari Semenanjung kelmarin, sambutan yang diberi oleh SABATI, khasnya dan Kerajaan Sarawak amnya telah mengkagumkan kami dan saya mengambil kesempatan dari awal ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada SABATI kerana sudi menjadi tuan rumah tahun ini, dan kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana memberi sepenuh sokongan dan galakan melalui Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

5. Pertandingan badminton rebutan Piala Pusingan antara badan-badan kebajikan tenaga isteri-isteri telah wujud pada tahun 1985 lagi. Piala Pusingan yang pertama ialah Piala Toh Puan Suhaila, yang setelah lima tahun ditandingkan, dimiliki tetap oleh BAKTI. Pada 1991 pula muncul Piala Pusingan Perdana Menteri yang dimenangi oleh BAIDURI, Perak pada tahun 1991 dan oleh BAKTI pada tahun 1992.

6. Terlintas dalam hati Majlis Kejohanan bahawa kejohanan kami tidak ada bendera tersendiri yang boleh mempamerkan suatu logo dan tujuan asas kejohanan badminton ini diadakan.

Maka BAKTI telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskannya.

7. Tema Kejohanan ialah 'Perpaduan dan Kemesraan melalui sukan Badminton' dan ianya menyatakan tujuan asas Badan- badan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri bermain badminton sesama sendiri setiap tahun. Sungguhpun ada rebutan piala pusingan tetapi yang paling penting ialah bukan soal siapa yang juara, tetapi perpaduan dan kemesraan yang akan terjalin melalui semangat kesukanan itu.

8. Logo kejohanan dicipta dengan lukisan dua pemain secara 'stylised' dengan alunan gerakgeri bermain badminton. Raket dan bulu tangkis itu menentukan jenis sukan yang kita pilih.

9. Warna yang dipilih ialah warna-warna dari bendera Malaysia di atas tanah putih yang menunjukkan hasrat suci dan bersih untuk bermain dengan tujuan merapatkan silatullah di antara wanita-wanita Malaysia.

10. Kami amatlah berasa bangga dan gembira pada pagi ini kerana Logo Kejohanan ini akan dilancarkan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Di Pertua Negeri, sebentar lagi, bagi pertama kalinya, dan kenaikannya akan diiringi oleh Lagu Kejohanan 'Perpaduan dan Kemesraan melalui Sukan Badminton'. Lagu ini dicipta khas oleh Yang Berbahagia Datin Noorhayati Kamaluddin dan disusun oleh Encik Ahmad Dasila.

Senikatanya yang tepat bagi tujuan kejohanan adalah ciptaan Dr.

Aminuddin Rouse.

11. Bendera Kejohanan dan lagunya akan digunakan dalam setiap kejohanan dan saya berharap manakala bendera itu dinaikkan nanti semua peserta dalam dewan ini akan menyanyikan lagu Kejohanan bersama-sama dengan koir Negeri Sarawak yang terkenal. Biarlah hati kita membuka luas dan suara kita lantang menyampaikan hasrat pemain-pemain yang datang ke Negeri Sarawak ini untuk mencapai perpaduan dan kemesraan melalui sukan badminton.

12. Dengan harapan ini dan dengan sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tetamu-tetamu yang amat dihormati, saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.